

UMS Johan Peringkat IPTA Bagi Anugerah Lanskap Negara



Tan Sri Prof. Dr. Abu Hassan (kanan) menerima hadiah kemenangan daripada YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah memenangi kategori "Kolej/Institusi Latihan dan Pendidikan" dalam Pertandingan Lanskap Negara 2004, yang telah diadakan di Kuala Lumpur, pada 3 Mac 2005.

"Kemenangan ini adalah satu penghormatan kepada UMS dalam usahanya mencantikkan negara dan memelihara warisan semulajadi

kita," kata Naib Canselor pertamanya, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman.

UMS mempunyai sekolah akademik yang dipanggil Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa yang di antara tugasnya ialah mencantikkan kampus UMS melalui lanskap.

Universiti ini juga telah meletakkan dirinya sebagai sebuah destinasi pelancongan yang terkenal di kalangan pelancong asing, dan bukan sahaja sebagai sebuah institusi pendidikan yang ulung di negara dan rantau ini, kata beliau.

Kesemuanya 14 kategori telah dipertandingkan dalam peraduan tersebut, di antaranya Rumah Tradisi/Kampung, Banglo, Rumah Teres Lot Tengah, Sekolah Menengah, Bangunan Kerajaan dan Kilang. Pertandingan itu telah dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tan Sri Prof. Abu Hassan telah menerima hadiah kejuaraan tersebut daripada Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara, Datuk Ismail Ngah.